



SIARAN MEDIA

Deloitte Membuat Penyelesaian RM324 Juta Berkaitan 1MDB Dan SRC Dengan Kerajaan Malaysia

SIARAN MEDIA | 03 MAC 2021



Kementerian Kewangan ingin mengumumkan bahawa Deloitte PLT ("Deloitte") telah bersetuju dengan suatu penyelesaian bernilai RM324 juta (USD80 juta) untuk menyelesaikan semua tuntutan yang berkaitan dengan tanggungjawab fidusiari mereka di dalam pengauditan akaun 1MDB dan SRC International Sdn Bhd ("SRC ") bagi tempoh 2011 - 2014.

Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Abdul Aziz, berkata, "Ini merupakan satu lagi kejayaan dalam usaha pemulihan berterusan Kerajaan Malaysia terhadap pihak yang terlibat dalam 1MDB, SRC dan entiti yang berkaitan dengannya. Kerajaan Malaysia bertekad untuk memastikan bahawa tindakan sewajarnya diambil terhadap semua individu atau entiti yang terlibat, secara langsung atau tidak langsung, di dalam skim global 1MDB. "

Penyelesaian oleh Deloitte ini merupakan penyelesaian berkaitan 1MDB terbesar oleh sebuah firma audit di Asia Tenggara.

Kejayaan penyelesaian luar mahkamah dengan Deloitte akan mempercepatkan pembayaran wang penyelesaian

tersebut untuk memenuhi kewajiban tertunggak 1MDB dan SRC, tanpa proses mahkamah yang mungkin berpanjangan dan mahal.

Pada bulan Julai 2020, Kerajaan telah berjaya di dalam rundingan dengan Goldman Sachs untuk mencapai sebuah penyelesaian bernilai RM15.8 bilion (USD3.9 bilion). Pada 26 Februari 2021 pula, Kerajaan juga telah berjaya mencapai suatu penyelesaian global bernilai RM2.83 bilion berkaitan dengan penglibatan sebuah kumpulan perbankan di dalam isu 1MDB. Kesemua penyelesaian ini tidak akan mempengaruhi atau menjejaskan tuntutan Malaysia terhadap individu seperti Jho Low dan pihak lain yang berkaitan dengannya, dan yang masih giat dicari berhubung dengan skandal 1MDB.

Kementerian Kewangan ingin merakamkan penghargaan kepada Jabatan Peguam Negara, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Bank Negara Malaysia, Pasukan Polis Diraja Malaysia, Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Pusat Governors, Integriti dan Anti-Rasuah atas usaha mereka dalam mencapai penyelesaian ini.

Kementerian Kewangan Malaysia

Putrajaya

3 Mac 2021

1MDB

 [Siaran Media](#)

 [Koleksi Ucapan](#)

 [Petikan Akhbar](#)

 [Foto](#)

 [Video](#)

 [Pengumuman](#)

 [Laporan LAKSANA](#)

 [Tender](#)

POPULAR TAGS

BERNAMA

TENGKU ZAFRUL

BAJET 2022

COVID-19

LAPORAN LAKSANA

KELUARGA MALAYSIA

TMK I

PENJANA

PRIHATIN

TEAM MOF

HARGA MINYAK

PRICE OF PETROLEUM